

25 JAN 1999

KUNJUNGAN HORMAT PANGLIMA TENTERA CHINA KE KEMENTAH

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha hari ini menerima kunjungan hormat daripada Panglima Angkatan Tentera Republik Rakyat China, Jen Fu Quanyou di Kementerian Pertahanan di sini.

Dalam kenyataan akhbarnya, Abang Abu Bakar berkata beliau berharap kunjungan hormat ini akan memperkukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan China, terutamanya daripada segi ketenteraan.

Katanya lagi, beliau berharap agar kedua-dua pihak akan dapat bertukar-tukar pengalaman serta kemahiran yang boleh memanfaatkan benteng pertahanan masing-masing.

Selepas berbincang selama setengah jam dengan menteri berkenaan, Jen Fu kemudiannya mengunjungi Panglima Angkatan Tentera, Jen Datuk Seri Zahidi Zainuddin di pejabatnya.

Jen Fu juga dijadualkan mengadakan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok serta melawat Pangkalan TUDM Butterworth, Kem Sungai Udang Melaka dan Pangkalan TUDM Kuching sempena kunjungannya ke negara ini.

Jen Fu menerajui kepimpinan Angkatan Tentera Republik Rakyat China pada bulan September 1995 dan merupakan graduan lulusan Kolej Tentera Nan Jing serta University Pertahanan Nasional.

-- BERNAMA

NED WAT